



02 JAN, 2025

Kajian pasaran sukan memancing zon kuning Akekchep Sungai Tiang

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Kajian pasaran sukan memancing zon kuning Akekchep Sungai Tiang

Terima kasih kepada Perbadanan Taman Negeri Perak, Koperasi Orang Asli Sungai Tiang & Persatuan Pengusaha Pelancongan Tasik Temenggor atas jemputan lawatan selama empat hari tiga malam untuk melakukan tinjauan dan maklum balas terhadap potensi sukan memancing di kawasan zon kuning Tagal Sungai Tiang, Royal Belum, Perak.



KETIKA kunjungan, paras air rendah, air juga sangat jernih dan banyak ikan bercempiran setiap kali kami meranduk air.

Oleh **Faiz Karim**

DI Pos Kawalan Kampung Sungai Tiang, Royal Belum, Perak kami telah diberikan taklimat oleh Hadi Mes merangkap Pengerusi Koperasi Orang Asli Sungai Tiang (KOAST) berkenaan objektif program serta perjalanan dan langkah keselamatan trip.

Matlamat utama keputusan dari-

pada kajian pasaran ini bakal dapat membantu masyarakat Kampung Sungai Tiang terutamanya dari segi menjana sosioekonomi mereka.

Selesai sesi taklimat tersebut, barangan dibahagikan, dan kami bergerak menghulu menggunakan lima buah bot hingga ke Kem Santuari Akekchep untuk makan tengah hari sambil melihat tengas dan kelah yang sangat jinak.

Kemudian, perjalanan ber-



TENGAS yang menerkam sesudu (spoon).

sambung selama empat jam lebih menongkah arus dan menolak bot melepasi 12 jeram, barulah sampai ke base camp ketiga yang terletak sebelum Lata Jenjang. Tapak kem dibersihkan, unggun api dinyalakan dan atap tarpaulin besar dipasang untuk tempat tidur serta memasak.

Pancing

Beberapa peserta terus turun mencuba potensi lubuk di hadapan kem, dan ada yang pergi ke lata bersebelahan. Petang itu sahaja, beberapa ekor sebarau saiz dalam lingkungan 500 gram (g) hingga 1.5 kilogram (kg) menyerah diri dengan gewang spoon di lata tersebut.

Hari kedua, tinjauan pancingan dilakukan ke hulu. Kami ke lokasi pancingan dengan berjalan kaki sambil bot menunggu jauh di belakang. Selepas enam jam, kami sampai ke Lubuk Setar untuk makan tengah hari. Pada pukul 5 petang, kami bergerak pulang dengan bot dan hanya mengambil masa kurang sejam untuk balik ke base camp.

Hari ketiga, saya memilih untuk tinggal di base camp, manakala yang lainnya naik jauh ke atas lagi dari Lubuk Setar. Menurut sahabat yang turut serta ketika itu, perjalanan ke lokasi pancingan lebih kepada merentasi jalan pintas di hutan daripada menyusuri sungai.

Di lubuk-lubuk yang dalam, jelas kelihatan ikan bersaiz kasar, namun ia sangat culas. Terdapat beberapa cubaan yang berakhir dengan hampa akibat tali putus. Beberapa ekor tengas, sebarau dan bujuk berjaya dirakam. Namun, masih tiada tangkapan yang bersaiz menakjubkan.

Hari terakhir, di awal pagi, hanya beberapa peserta yang memancing berhampiran kem dan mendapat beberapa ekor sebarau. Khemah dibongkar dan dikemaskan, sampah ditanam dan dibakar dan kami meninggalkan kem dengan bersih.

Kesimpulan trip

Konsep pancingan adalah teknik sukan memancing (sport fishing) seperti penggunaan joran dan kekili bersama gewang tiruan atau pancing layang (fly fishing) bersama umpannya.



02 JAN, 2025

Kajian pasaran sukan memancing zon kuning Akekchep Sungai Tiang

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2



BUJUK juga ada di sungai ini.

Semua tangkapan ikan tidak kira apa spesies sekalipun wajib dilepaskan tidak kira hidup atau mati, bermakna tidak ada seekor pun hidupan air di sungai ini dijadikan lauk.

Zon kuning ini sepanjang lebih kurang 10 kilometer bermula dari Kem Santuari Akekchep sehingga ke Kuala Sungai Dadek dan terdapat lima tapak base camp yang sedia digunakan. Kondisi air sungai ketika trip adalah rendah 3-4 kaki (0.9-1.2 meter) dari paras normal.

Kebanyakan lokasi pancingan berupa jeram berbatu-batu dengan lubuk-lubuk kecil yang masih boleh diharungi dan terdapat juga beberapa lubuk besar yang sangat dalam.

Air sangat jernih hingga boleh kelihatan banyak ikan sebarau, tengas, dan kelah bertempiran setiap kali bot lalu atau kami meranduk air. Kami dapat banyak ekor sebarau, beberapa ekor tengas, bujuk dan seekor kelah. Kesemua dilepaskan semula.

Kondisi air yang cetek dan jernih dan cara pendekatan kami yang kurang menyorok ketika memancing mungkin merupakan faktor utama ikan menjadi sangat culas.

Namun, masih terdapat banyak kali terkaman ikan saiz kasar



'Raja Sungai Pergunungan' ini sentimanginya amat culas.



Akekchep

KEM Santuari Akekchep ini merupakan satu-satunya Sistem Tagal yang dikelola selia oleh masyarakat Orang Asli di negara kita.

'Akek' dalam bahasa Jahai bermakna 'jangan', dan 'chep' pula bermaksud tangkap. Jadi, 'akekchep' ini bererti jangan tangkap.

Mengambil contoh sistem yang sedia ada daripada Sistem Tagal di Sabah, zon perikanan di Akekchep ini dibahagi kepada empat, iaitu hijau, biru, kuning dan merah.

Zon hijau dibenarkan menangkap ikan untuk menampung kehidupan seharian masyarakat kampung.

Di zon biru pula dibenarkan memancing bagi tujuan komersial seperti sport fishing.


Di zon kuning akan dilakukan tangkapan ikan bagi orang kampung sekali setahun dan di zon merah tidak dibenarkan langsung aktiviti menangkap ikan.

Tapak Akekchep ini bermula daripada hasil penyelidikan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama penduduk setempat pada tahun 2016.

Lokasi tersebut telah dipilih berdasarkan populasi ikan kelah dan tengas yang banyak.

Kemudian pada Disember 2023, pihak TNB telah menyerahkan tapak ini kepada masyarakat Orang Asli Kampung Sungai Tiang dengan dikelola oleh Koperasi Orang Asli Sungai Tiang (KOAST).

Banyak aktiviti boleh dilakukan di Akekchep ini, dan yang eksklusif adalah memberi makan kepada kumpulan tengas dan kelah yang jinak.



SAB paling melelahkan apabila menolak bot menongkah arus dan mengangkatnya melepasi batu-batuan jeram.

yang tidak dapat didaratkan akibat kelemahan teknikal seperti mata kail terkangkang dan tali putus.

Bagi saya, ini merupakan trip percubaan untuk menguji kawasan pancingan dan kekuatan ikannya.

Malangnya, ikan bersaiz idaman masih tidak dapat dinyatakan walaupun kami telah mencuba sedaya upaya. Oleh itu, disarankan agar beberapa lawatan susulan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat bersesuaian dengan kondisi air dan cuaca yang memihak

"Air sangat jernih hingga boleh kelihatan banyak ikan sebarau, tengas dan kelah bertempiran setiap kali bot lalu atau kami meranduk air."

kepada pemancing. Ini bagi membolehkan tangkapan bersaiz besar dapat direkodkan.

Keseluruhannya dengan sedikit sahaja penambahan dari segi fasiliti dan keselamatan, Sungai Tiang ini lulus untuk dijadikan satu lagi destinasi pancingan air tawar yang berprestij di negara kita.